

Pertahankan matlamat DEB

UM - 25/7/2007

JAUH panggang dari api. Itulah yang boleh dikatakan terhadap harapan sesetengah bukan Melayu agar soal mempertahankan semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak dibangkitkan pada persidangan UMNO bahagian yang berlangsung sekarang.

Kononnya dengan terus memperkatakan DEB atau singkatan bahasa Inggerisnya NEP yang ditempelak sebagai *Never Ending Policy*, akan hanya mengusarkan orang bukan Melayu yang kononnya sentiasa melihat dasar itu sekadar mendiskriminasikan mereka.

Dengan kegusaran itu kononnya dibimbangi, peluang untuk meraih undi daripada bukan Melayu kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang yang tempoh matangnya tinggal tidak lebih 21 bulan sahaja lagi, akan menjadi tipis.

Setelah masuk minggu keempat persidangan UMNO bahagian-bahagian berlangsung bermula 1 Julai lepas, harapan DEB tidak dibincangkan nampaknya terus meleset.

Malah, soal keperluan kerajaan mempertahankan semangat serta apa yang terkandung dalam DEB (1970 - 1990) dalam bentuknya sekarang di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN), terus hangat diperkatakan.

Malangnya, dengan kek ekonomi yang berkembang pun, yang masih meraih banyak keuntungan daripadanya ialah bukan Melayu sedangkan sasaran Melayu masih tetap untuk memperoleh cuma 30 peratus, tidak juga tercapai

Misalnya, Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika merasmikan sebuah mesyuarat perwakilan UMNO turut bercakap mengenai DEB hingga meminta mereka yang mempertikaikan khususnya mengenai angka pencapaian Melayu yang masih rendah dalam ekonomi negara, supaya mendapatkan fakta yang betul.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Adnan Yaakob yang berucap merasmikan Mesyuarat Persidangan UMNO Bahagian Tangga Batu di Melaka hujung minggu lepas, juga bercakap mengenai keperluan mempertahankan semangat DEB itu.

Begitu jugalah dengan pemimpin lain termasuk dalam kalangan pemimpin peringkat UMNO bahagian sendiri, dan sentimen mereka ini turut dikongsi oleh ahli-ahli bahagian masing-masing.

Oleh kerana sentimen sebegitu maka yang perlu dilakukan oleh pemimpin-pemimpin komponen BN seperti MCA dan

Gerakan ialah meneruskan usaha untuk memberi penjelasan kepada kaum yang mereka wakili mengenai kebaikan semangat DEB itu.

Bahawa DEB itu sendiri lahir daripada kegagalan menguruskan ekonomi negara dengan saksama hingga tercetusnya pertelingkahan kaum 13 Mei 1969, harus terus disedarkan.

Bahawa sebelum merdeka lagi sudah ada kontrak sosial betapa hak keistimewaan Melayu itu perlu setelah Melayu selaku pribumi, bertolak ansur dengan mengizinkan kerakyatan diberikan kepada kaum pendatang Cina dan India yang dibawa masuk penjajah Inggeris untuk menjana ekonomi demi mengkayakan negara asal mereka Britain; turut harus dijelaskan lagi.

Bahawa, sungguhpun lebih 37 tahun Melayu dibantu dengan pelbagai program khas atas nama DEB serta semangatnya yang diteruskan hingga kini, namun oleh

kerana ketirisan akibat sistem rangkaian yang tidak menyeluruh lalu matlamat untuk memajukan Melayu belum juga tercapai; maka usaha itu harus terus dilakukan.

Dalam pada itu pun, ini tidak bermakna bukan Melayu hendak dipinggirkan apatah lagi dengan kek ekonomi yang semakin berkembang yang oleh itu juga perihal *robbing Peter to pay Paul* demi menjaga kepentingan Melayu tidak berlaku.

Malangnya, dengan kek ekonomi yang berkembang pun, yang masih meraih banyak keuntungan daripadanya ialah bukan Melayu sedangkan sasaran Melayu masih tetap untuk memperoleh cuma 30 peratus, tidak juga tercapai.

Dan menjelang penghujung bulan ini apabila mesyuarat-mesyuarat perwakilan UMNO bahagian-bahagian 'melabuhkan tirainya', kita percaya banyak lagi yang akan diperkatakan mengenai semangat DEB ini.

Sewajarnya mereka yang mempertikaikan dasar ini apatah pula mereka yang mahu menyuruh UMNO diam mengenai, dengar baik-baik terhadap apakah lagi yang hendak dikatakan oleh orang Melayu tentang dasar bagi memartabatkan orang Melayu di tanah airnya sendiri.

- YOP KI DAI,
Kuala Lumpur.